

01 DEC 2002

Salleh-Adun

TANGANI ISU ADUN BERKECUALI BERDASARKAN PENGALAMAN SABAH, KATA SALLEH

KOTA KINABALU, 1 Dis (Bernama) -- Isu dua wakil rakyat MCA di Pulau Pinang yang mengambil pendirian berkecuali terhadap satu usul pembangkang pada Persidangan Dewan Undangan Negeri itu baru-baru ini, perlu ditangani berdasarkan pengalaman sama yang pernah berlaku di Sabah, kata seorang Ahli Majlis Tertinggi Umno Datuk Salleh Tun Said hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah berkata dalam kes di Sabah, tindakan yang dihadapi anggota Dewan kerana mengambil pendirian berbeza daripada ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional yang lain, adalah jelas.

"Senario yang sama seperti yang berlaku di Pulau Pinang pernah terjadi pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah pada 1996 apabila seorang anggota Dewan berkecuali ketika undian dibuat terhadap satu usul oleh pihak kerajaan," katanya ketika dihubungi hari ini.

"Oleh kerana perkara ini pernah berlaku di Sabah dan kita tahu apa akibatnya, maka saya rasa tindakan yang sama perlu dikenakan terhadap kedua-dua Adun itu kerana melanggar disiplin parti," kata beliau.

Pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Jun 1996, anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kudat, Datuk Kong Hong Ming telah berkecuali ketika undian dibuat terhadap rang undang-undang pindaan Enakmen Hutan 1968.

Dua bulan kemudian, Parti Gerakan memecat Kong yang ketika itu adalah Pengerusi Gerakan negeri.

Enakmen Hutan 1968 merupakan satu daripada lima undang-undang negeri yang dicadangkan untuk dipinda ketika Salleh menjadi Ketua Menteri Sabah bagi memberi lebih kuasa kepada Kabinet negeri.

Pindaan-pindaan itu kemudian diluluskan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah apabila Datuk Yong Teck Lee menjadi ketua menteri.

Salleh berkata kedua-dua Adun MCA itu wajar bertanggungjawab dengan tindakan mereka.

Wakil rakyat berkenaan, Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi), enggan mengundi terhadap usul pembangkang supaya projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang bernilai RM1.02 billion ditangguhkan.

Berikutan itu pelbagai pihak termasuk Umno telah mendesak supaya kedua-dua wakil berkenaan dipecat daripada BN.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada Jumaat lepas berkata Umno mahu kedua-dua Adun itu dipecat.

-- BERNAMA

JS ZB